

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 3, NO.6, NO.11 HINGGA 147)**

17 Mei 2016

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL

TARIKH : 17.5.2016

SOALAN : NO. 3

Y.B. Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah kes yang telah direkodkan berkaitan penyalahgunaan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) sejak ia mula diperkenalkan dan apakah Kerajaan bercadang untuk tingkatkan tahap keselamatan BB1M supaya tidak dijual beli dengan wang ringgit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa melaksanakan pemantauan terhadap pelaksanaan BB1M. Setakat ini, terdapat empat (4) jenis kes penyalahgunaan dan kesalahan BB1M yang telah direkodkan seperti berikut:

- (a) penukaran BB1M ke dalam bentuk wang tunai atau dijual kepada pihak ketiga (37 keping tahun 2016);
- (b) penggunaan BB1M melebihi 5 keping (RM 250) yang telah diperuntukkan kepada setiap pelajar (661 kes tahun 2016);
- (c) kecurian BB1M dalam kalangan pelajar dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) (3 kes tahun 2016); dan
- (d) pemalsuan BB1M (2 kes tahun 2015).

Berdasarkan kes yang dikenal pasti, terdapat empat (4) Pekedai/Penjual Buku telah disenarai hitam daripada menyertai program BB1M pada masa hadapan.

Hasil pemantauan yang dilaksanakan, KPT sedang mempertimbangkan dan mengkaji kaedah penggunaan BB1M yang lebih efektif untuk masa hadapan sekiranya program ini diteruskan. KPT juga telah meningkatkan ciri-ciri keselamatan BB1M termasuklah mencetak baucar dengan menggunakan kertas keselamatan yang terdapat di Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) sahaja bagi mengelakkan penyalahgunaan BB1M. Selain itu, proses edaran baucar di peringkat IPT juga diperkemas dengan memastikan bahawa setiap BB1M diisi dengan maklumat diri pelajar. KPT juga telah bekerjasama dengan Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk membuat sekatan bayaran terhadap Pekedai/Penjual Buku yang didapati melakukan kesalahan-kesalahan seperti dinyatakan di atas.

Untuk makluman, bermula tahun 2012 lagi, KPT telah memberi taklimat dan penerangan kepada pihak Persatuan Buku dan IPT. KPT juga telah mengarahkan semua IPT untuk memberikan taklimat kepada pelajar-pelajarnya. Selain itu, KPT turut memuat naik dua (2) jenis garis panduan berkaitan BB1M ke dalam portal KPT iaitu Garis Panduan Pemberian BB1M Bagi IPT dan Pelajar serta Garis Panduan Pemberian BB1M Bagi Pekedai/Penjual Buku.

KPT akan terus melaksanakan pemantauan ke atas IPT secara berjadual dari semasa ke semasa dan berdasarkan aduan yang diterima bagi memastikan BB1M tidak disalahgunakan bagi tujuan lain. Bagi pelaksanaan pada masa akan datang, nama dan nombor kad pengenalan pelajar akan dicetak terus di atas baucar oleh pihak PNMB. KPT juga akan mengubahsuai tempoh pemberian dan sah laku BB1M bagi memenuhi keperluan pelajar pada setiap awal semester pengajian.

SOALAN NO: 6

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 17 Mei 2016

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kajian berkenaan dengan faedah-faedah perberhentian kerja sementara di dalam Akta Kerja 1955.

PR-1342-T74689

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) pada masa ini sedang mengkaji Akta Kerja 1955 secara holistik termasuk faedah-faedah pemberhentian kerja sementara supaya selaras dengan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 Mei 2016 sempena sambutan Hari Pekerja 2016.
2. KSM masih lagi dalam peringkat konsultasi dengan pihak berkepentingan dan sedang mengumpul input berhubung model SIP yang dicadangkan.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS**
MOJIGOH
[PUTATAN]
TARIKH : **17 MEI 2016 [SELASA]**
SOALAN : **11**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak CyberSecurity Malaysia bagi melindungi maklumat Kerajaan daripada penceroboh siber dengan tujuan untuk mencuri atau menjualnya kepada pihak ketiga dengan menggunakan "Secret Encryption" sebagaimana berlaku dalam kes "Panama Papers".

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui CyberSecurity Malaysia sentiasa mengambil langkah yang proaktif dan bersepadu untuk menangani trend ancaman siber selari dengan perkembangan pesat teknologi ICT masa kini. Kebergantungan kepada penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menyebabkan negara kita terdedah kepada pelbagai ancaman siber yang semakin meningkat kebelakangan ini.

Antara langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan adalah seperti berikut :

- (i) Melaksanakan program-program di bawah Dasar Keselamatan Siber Nasional (*National Cyber Security Policy, NCSP*) untuk menangani ancaman siber terutamanya dalam melindungi Infrastruktur Kritikal Maklumat Negara (*Critical National Information Infrastructure, CNII*);
- (ii) Menggubal Dasar Kriptografi Negara (DKN) untuk melindungi keselamatan aset maklumat kritikal negara melalui pelaksanaan infrastruktur kriptografi yang boleh dipercayai;
- (iii) Membangunkan rangka kerja dan rangka dasar perlindungan ketirisan maklumat elektronik;
- (iv) Melaksanakan pensijilan standard *Information Security Management System (ISMS)* berdasarkan standard antarabangsa ISO 27001; dan
- (v) Melaksanakan program kesedaran siber di peringkat kebangsaan bagi memberi pendedahan dan kesedaran berkenaan isu keselamatan siber.

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan kriptografi secara meluas dalam urusan elektronik berupaya mewujudkan satu persekitaran siber yang selamat dan boleh dipercayai. Di bawah RMKe-10, CyberSecurity Malaysia telah membangunkan dua algoritma kriptografi iaitu *CSM Block Cipher* dan *CSM Stream Cipher* yang telah diuji dan dinilai oleh pakar tempatan bagi

tujuan penyulitan data (*data encryption*) dan akan digunakan untuk membangunkan produk kriptografi terpercaya (*trusted cryptography*).

Bagi meningkatkan tahap perlindungan maklumat kerajaan dan agensi melalui kriptografi, Arahan 24 Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah memperuntukkan CyberSecurity Malaysia sebagai agensi yang menjadi rujukan teknikal kerajaan dalam memberikan khidmat nasihat teknikal berkaitan pelaksanaan kriptografi kepada agensi kerajaan seperti MKN dan MAMPU. Di samping itu, CyberSecurity Malaysia juga menyediakan modul dan menjalankan latihan kepakaran berkaitan kriptografi.

CyberSecurity Malaysia juga mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan beberapa projek pembangunan berkaitan *technology encryption* di bawah RMKe-11 iaitu:

- (i) Menubuhkan Makmal Penilaian Modul Kriptografi;
- (ii) Membangunkan Skim Penilaian dan Pensijilan Modul Kriptografi (*Malaysia Cryptography Modul Validation Program, MyCMVP*); dan
- (iii) Menyediakan Pangkalan Data Algoritma Kriptografi Terpercaya Negara.

Dengan pelaksanaan langkah-langkah pengukuhan ini, saya yakin keselamatan maklumat kerajaan akan dapat dilindungi daripada pencerobohan dan seterusnya mengelakkan berlakunya kecurian data.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

TARIKH : 17.5.2016

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan siapakah pihak yang memilih kontraktor untuk perkhidmatan pembersihan (house-keeping) di sekolah-sekolah Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pemilihan kontraktor pembersihan di sekolah-sekolah bagi kontrak bernilai RM500,000.00 dan ke atas dibuat melalui proses tender terbuka dan diputuskan oleh Lembaga Perolehan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berdasarkan syarat-syarat tender.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi negeri Sabah dan Sarawak pula, pemilihan kontraktor diputuskan oleh Perbendaharaan Malaysia Negeri Sabah dan Perbendaharaan Malaysia Negeri Sarawak bagi nilai kontrak sehingga had nilai RM5 juta. Manakala pelantikan kontraktor pembersihan secara sebut harga bagi nilai kontrak kurang daripada RM500,000.00 diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga di Jabatan/ Bahagian di bawah KPM.